

PAMEROT

BULETIN KEMENTERIAN PERTAHANAN

ISSN No. : 1511-1849 Bil 1/2010



TRANSFORMASI

8

TONGGAK MINDEF

GAGASAN 1 MALAYSIA

PROGRAM TRANSFORMASI
KERJAAN

MODEL
EKONOMI BARU

RANCANGAN
MALAYSIA KE 10

NILAI
KREATIVITI & INOVASI

NILAI KEPANTASAN

NILAI UNTUK WANG

NILAI INTEGRITI

EMPAT TIANG UTAMA

EMPAT TIANG NILAI ASAS PELENGKAP

KANDUNGAN

01/2010

Hari
TRANSFORMASI 04
 MINDEF 2010

Ringkasan Eksekutif		Majlis Ramah Mesra	19
Pelan Transformasi MinDef	6	Markas Angkatan Kapal Selam TLDM	22
Pelancaran Kompeni Askar Wataniah	12	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	24
Majlis Perasmian Desa Pasifik & Penyerahan Kunci Desa U-Thant	13	Malam Wartawan Malaysia 2010	26
Malam Kebudayaan KAKEP 2010	14	Aktiviti Menteri Pertahanan	27
Lawatan PAT ke Mawilla II	15	Aktiviti Timbalan Menteri Pertahanan	30
Majlis Pelancaran Hari Transformasi 2010	16	Aktiviti Ketua Setiausaha dan Panglima Angkatan Tentera	31
Lawatan Isteri Menteri Pertahanan dan Bakat ATM ke HATTM	18	Piagam Pelanggan MinDef	32



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Y.Bhg Dato' Sri Abu Bakar bin Hj. Abdullah
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia

PENASIHAT

Y.Bhg Dato' Haji Ismail bin Ibrahim
Timbalan Ketua Setiausaha(Pengurusan)
Kementerian Pertahanan Malaysia

KETUA PENGARANG

Rozitah binti Hj. Idris
Ketua Komunikasi Korporat

EDITOR

Nazrie bin Saini
Pegawai Perhubungan Awam

WARTAWAN

Pauzan binti Ab. Majid
Mej Zahru'lail bin Hidayat
Mej Abd Rais bin Esa
Mej Setia Perwira bin Mohd Wazir
Lt Kdr Rahimah binti Taib TLDM
Huwaina binti Wahab
Hirma Marni binti Saidan
Farawahida binti Ramli

FOTO

PWII Mohd Shukri bin Malik
Sjn U Irwan bin Alias
Encik Zainuddin bin Zainal
Kpl Shahrulzhar bin Azizan
LKI KNG Ayub bin Mamat
LK STN (S) Roselly bin Alli
Megat Ahmad Firdaus bin Megat Ahmad
Pbt Syarianah binti Abdul Karim
Pbt Mohd Nazari bin Ramli

TERBITAN DAN EDARAN

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertahanan Malaysia

DARI PENA EDITOR



Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1 MinDef kepada pembaca yang dihormati.

Kementerian Pertahanan Malaysia sentiasa terkehadapan dalam melaksanakan transformasi apabila menjadi kementerian pertama melancarkan Pelan Transformasi MinDef (PnTM) yang dilakarkan berdasarkan model Lapan Tonggak Perdana (LTP) yang diperkenalkan oleh Y.A.B Perdana Menteri bagi memastikan sektor awam negara ini bertaraf dunia dan sekali gus berupaya menyokong mempercepatkan hasrat Malaysia untuk muncul sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

Sebagaimana ditegaskan oleh Y.B Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan di Majlis Pelancaran Hari Transformasi MinDef, sebagai sebuah Kementerian yang besar, hebat dan unik baik dari segi organisasi, struktur perjawatan, bajet, peranan dan fungsi serta tugas yang diamanahkan, MinDef dianggap sebagai *government within the government* kerana mempunyai semua elemen yang ada dalam kebanyakan organisasi, institusi, agensi kerajaan lainnya.

Justeru itu, komitmen semua warga kerja awam MinDef kearah pelaksanaan dan kejayaan transformasi berteraskan Lapan Tonggak MinDef (LTM) secara 'Lonjakan Berganda' amat diperlukan bagi menjadikan Perkhidmatan Awam MinDef bertaraf dunia, disamping mendokong inisiatif kepimpinan negara di bawah Y.A.B Perdana Menteri .

Pada masa yang sama, warga MinDef juga tidak boleh hanya berbangga dengan rekod kejayaan lampau, sebaliknya perlu berfikir di luar kotak dan sentiasa kreatif dan inovatif dalam menghadapi persaingan di era globalisasi.

**“PERTAHANAN NEGARA,
TANGGUNGJAWAB
BERSAMA”**

(KENYATAAN MISI PERKHIDMATAN
PELANGGAN MINDEF)

Hari

TRANSFORMASI MINDEF 2010

Artikel : Huwaina Wahab & Hima Marni Saidan

Foto : Pbt Mohd Nazri b. Ramli

Transformasi melalui Inovasi' adalah merupakan cogankata Kementerian Pertahanan Malaysia (MinDef) yang diguna dan digarap berlandaskan kepada Pelan Transformasi MinDef (PnTM) yang telah dilancarkan dengan cemerlang oleh Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Pelaksanaan Hari Transformasi yang telah dilancarkan oleh beliau merupakan satu langkah bijak sebagai titik permulaan untuk membentuk kecemerlangan MinDef pada masa akan datang, selain daripada memberi manfaat besar kepada pembangunan dan kestabilan negara ini.

Langkah mewujudkan Pelan Transformasi MinDef (PnTM) adalah merupakan satu usaha positif dalam membentuk organisasi kerajaan, terutamanya Kementerian Pertahanan agar lebih berkesan dan kondusif.

Kementerian Pertahanan adalah merupakan kementerian yang pertama dalam kerajaan Malaysia yang telah mengambil langkah awal untuk menterjemahkan Model 8 Tonggak Perdana atau ringkasnya dikenali sebagai LTP. Pelan Transformasi MinDef (PnTM) diharap dapat mengukuhkan dan membantu kerajaan serta kementerian ini dalam merealisasikan Model 8 Tonggak Perdana berdasarkan kepada beberapa tujuan pelaksanaannya. PnTM tercetus apabila Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Najib Tun Razak memperkenalkan model 'Transformasi Baru' secara 'Lonjakan Berganda'.



Sejajar dengan tercetusnya idea yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, PnTM adalah merupakan satu platform yang tepat dalam memberi satu nafas baru dalam sistem pentadbiran Kementerian Pertahanan. Selain daripada itu, pengurusan organisasi Kementerian Pertahanan yang disokong oleh pelbagai peringkat pegawai dan anggota tentera juga akan berubah menjadi lebih mantap dan berkesan melalui transformasi ini. Oleh yang demikian, pengurusan dan perkhidmatan Kementerian Pertahanan akan menjadi lebih produktif dan berkesan terhadap negara dan rakyat.

Berlandaskan kepada beberapa objektif utama yang jelas dan relevan, transformasi ini merupakan satu langkah baik dalam memimpin organisasi untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dan bersungguh-sungguh demi kepentingan Malaysia pada ketika ini, juga pada

masa hadapan. Memperkuatkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam MinDef, meningkatkan kesejahteraan rakyat, membentuk budaya kerja cemerlang, memantapkan pengurusan organisasi MinDef, dan mengukuhkan jati diri individu serta warga kerja awam MinDef menerusi pembangunan keupayaan kepimpinan yang berkesan adalah merupakan garapan utama objektif Transformasi MinDef yang akan dicapai oleh kementerian ini.

Kesimpulannya, Hari Transformasi MinDef yang telah dilancarkan diharap mampu untuk meyalurkan panduan dan strategi cara kerja yang berkesan kepada rakyat, Kementerian Pertahanan serta kepada Malaysia, disamping dapat melahirkan warga kerja yang bermutu untuk kepentingan hasil kerja yang berkualiti dalam jangka masa panjang.





Ringkasan Eksekutif

Pelan Transformasi MinDef

Kementerian Pertahanan (MinDef) telah ditubuhkan selepas sahaja negara ini (Tanah Melayu ketika itu) mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos tahun 1957. Sejak dari itu, sistem pengurusan pertahanannya telah berkembang pesat seiring dengan kemajuan pembangunan negara. MinDef yang pada mulanya memberi tumpuan pada perkara-perkara asas dalam bidang pengurusan pertahanan, kemudiannya telah memperluaskan skopnya kepada bidang-bidang baru agar dapat memenuhi keperluan permodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan kehendak negara. Bagi memenuhi keperluan ini jugalah MinDef dari masa ke masa telah membuat pembaharuan dan penambahbaikan dalam Perkhidmatan Awamnya supaya selari dengan agenda ATM dan negara. Walau bagaimanapun, pembaharuan dan penambahbaikan ini masih bersifat reaktif dan berfokuskan kepada keperluan bidang-bidang khusus seperti pengurusan organisasi, sumber manusia dan kewangan. Inisiatif dan pendekatan sedemikian hanya meningkatkan prestasi pencapaian dalam bidang berkaitan sahaja atau secara silo.

Usaha-usaha ke arah mentransformasikan Perkhidmatan Awam Malaysia secara lebih menyeluruh telah dipertanggungjawabkan kepada MAMPU sejak beberapa tahun yang lalu. MAMPU telah memperkenalkan beberapa pembaharuan dan permodenan dalam Perkhidmatan Awam di negara ini, di antaranya termasuklah usaha-usaha mentransformasikan Perkhidmatan Awam Malaysia melalui Sistem Penyampaian Perkhidmatan dengan matlamat untuk menjadikan Perkhidmatan Awam negara ini bertaraf dunia agar dapat mempercepatkan lagi Malaysia menjadi sebuah Negara Maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Ke arah untuk mentransformasikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam di negara ini, pihak MAMPU telah mencadangkan tiga peringkat tindakan yang perlu diambil, iaitu pengukuhan hala tuju strategik Sektor Awam supaya selari dengan inisiatif kepimpinan negara, memulakan proses transformasi di sektor-sektor agensi tertentu yang dianggap kritikal dan melaksanakan proses transformasi terhadap individu Penjawat Awam. Proses transformasi terhadap individu ini cukup penting kerana mereka lah merupakan kumpulan teramai yang memberi perkhidmatan secara langsung kepada pelanggan dan rakyat. Oleh sebab itulah mereka perlu selalu ditiup dengan angin transformasi. Supaya proses transformasi ini dapat bergerak dengan cepat maka ia perlu dimulakan di peringkat kepimpinan terlebih dahulu. Sudah



sampailah masanya kepimpinan di setiap Agensi Sektor Awam menjadi Wira yang boleh membangkitkan semangat dan keyakinan seluruh warga kerja di bawah mereka terhadap transformasi.

Kerjasama yang lebih rapat diantara MinDef dengan MAMPU bermula pada tahun 2007, iaitu apabila Sistem Star Rating (SSR) diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam. Hasil daripada nasihat MAMPU, MinDef telah dapat menzahirkan Pelan Strategik MinDef (2008-2010) yang menjadi induk kepada dokumen-dokumen strategik lainnya di MinDef. Hasil daripada kerjasama rapat itu jugalah mengapa MinDef telah dipilih untuk menjadi Rakan Strategik MAMPU. Pihak MAMPU juga telah bersetuju supaya MinDef dimasukkan dalam sektor agensi yang dianggap kritikal dan boleh menjalani proses transformasi terlebih awal. Lanjutan daripada itu juga, MinDef telah membentuk satu Jawatankuasa Induk Program Transformasi MinDef (PmTM) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha MinDef. Satu Pasukan Khas bagi memulakan penyediaan Pelan Transformasi MinDef (PnTM) juga telah ditubuhkan yang diketuai oleh SUB Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) MinDef. Asas bagi melakar pelan ini masih menggunakan input pembaharuan dan permodenan daripada MAMPU dan buku-buku rujukan akademik mengenai transformasi.

Sungguhpun pelbagai perubahan dan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memajukan Perkhidmatan Awam di negara ini dengan tujuan bagi mempercepatkan pencapaian Wawasan 2020, namun ianya masih dianggap perlahan disebabkan lajunya arus perubahan persekitaran khususnya ledakan dari globalisasi.

Pelbagai idea dan trend sentuhan arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan telah memberi kesan akhir-akhir ini kepada suasana politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat Malaysia. Kebuntuan itu akhirnya telah dapat dirungkai oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Di Majlis MAPPA Ke 11 (XI) pada 9 Mac 2010, YAB Perdana Menteri menyatakan yang segala cabaran yang telah dan sedang dihadapi bukanlah menjadi halangan terakhir untuk Malaysia terus berubah. Oleh kerana itulah satu pendekatan baru yang lebih berasas, bersepdua dan berkesan secara lebih cepat perlu diambil oleh kerajaan dan semua pihak yang terbabit.

Berdasarkan faktor-faktor di atas dan sebagai satu pentadbiran yang bersifat objektif, jelas dan berhala tuju, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan model 'Transformasi Baru' secara 'Lonjakan Berganda'. Melalui model ini kerajaan telah menukilkan Empat Tiang Utama (ETU) : Pertama, iaitu satu falsafah induk sebagai panduan yang bersifat merentas dasar serta pelaksanaan iaitu Gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Kedua, iaitu satu prakarsa teras peranan kerajaan iaitu Program Transformasi Kerajaan. Ketiga, iaitu Model Baru Ekonomi dan Keempat, iaitu Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah merupakan dua inisiatif ekonomi bagi memeta hala tuju jangka panjang, sederhana dan jangka pendek negara. Bagi menyangga ETU di atas, ianya perlu didokong pula oleh Empat Tiang Nilai Asas Pelengkap (ETNAP). Pertama, iaitu Nilai (Membudayakan) Kreativiti dan Inovasi. Kedua, iaitu Nilai (Mementingkan) Kepantasan Bertindak dan Membuat Keputusan. Ketiga, iaitu Nilai Untuk Wang dan Keempat, iaitu Nilai Integriti. ETU dan ETNAP ini merupakan model Lapan Tonggak Perdana (LTP) pentadbiran baru YAB Perdana Menteri.

Hasil daripada ucapan YAB Perdana Menteri di MAPPA Ke-11 (XI) telah memberikan banyak ilham kepada MinDef untuk membuat transformasi secara lebih tersusun, bersepdua dan berfokus. Model LTP yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri itu yang kemudiannya diterjemahkan secara langsung kepada

model Lapan Tonggak MinDef (LTM) telah digunakan sebagai asas dalam melakarkan PnTM.

PnTM merangkumi perkara-perkara berkaitan agenda (termasuk Konsep, Objektif, Teras Strategik dan Kerangka), Inisiatif (termasuk Pelan Tindakan), Hasil, Quick Wins, Peta Tuju atau Road Map (termasuk Jadual Perbatuan atau Milestone), Fasa Pelaksanaan, Faktor Kejayaan Utama (Key Success Factor), Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator) dan Kajian Keberkesanan serta Penambahbaikan PnTM.

Hala tuju Transformasi MinDef bermatlamat untuk membina upaya baharu MinDef bagi mendokong inisiatif kepimpinan negara dalam melaksanakan LTP secara 'Lonjakan Berganda' bagi menjadikan Perkhidmatan Awam negara ini bertaraf dunia agar dapat menyokong mempercepatkan Malaysia menjadi sebuah Negara Maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Konsep Transformasi MinDef merangkumi perubahan sistemik yang menjurus kepada 1MinDef: Kepuasan Pelanggan; Mengutamakan Pencapaian/Meningkatkan Kesiagaan Tentera; Meningkatkan Semangat Jati Diri, Patriotik, Kesukarelaan dan Perpaduan; Merancakkan Pusingan Ekonomi dan Pembangunan Negara; Menghasilkan Mind Kelas Pertama Melalui Kreativiti dan Inovasi; Mempercepatkan Transformasi, Belanja Secara Berhemah dan Meningkatkan Persepsi Positif Rakyat khususnya Pelanggan Terhadap MinDef. Aspek yang dicakupi melibatkan pemerkasaan dasar penyampaian dan penilaian perkhidmatan; sumber dan fasiliti yang lengkap, pembangunan pengstrukturran yang mantap, budaya kreativiti dan inovasi berterusan, penambahbaikan proses kerja, dan pembangunan modal insan yang kompeten dan berkualiti berteraskan integriti.

Objektif utama Transformasi MinDef adalah untuk memperkuuhkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam MinDef Melangkuai Ekspektasi Stakeholders dan Pelanggan; Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat; Membentuk Budaya Kerja Cemerlang; Memantapkan Pengurusan Organisasi MinDef dan Mengukuhkan Jati Diri Individu Warga Kerja Awam MinDef menerusi Pembangunan Keupayaan Kepimpinan yang berkesan.

Bagi mencapai objektif tersebut, Agenda Transformasi MinDef ini akan berlandaskan Teras Strategik dengan nama Lapan Tonggak MinDef (LTM) yang diterjemahkan secara langsung daripada LTP yang telah diperkenalkan

oleh YAB Perdana Menteri iaitu Tiang Pertama : Gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; Tiang Kedua : Program Transformasi Kerajaan; Tiang Ketiga : Model Baru Ekonomi; Tiang Keempat : Rancangan Malaysia Kesepuluh; Tiang Kelima : Nilai (Membudayakan) Kreativiti dan Inovasi; Tiang Keenam : Nilai (Mementingkan) Kepantasan Bertindak dan Membuat Keputusan; Tiang Ketujuh : Nilai Untuk Wang dan Tiang Kelapan : Nilai Integriti.

Secara keseluruhan, Agenda Transformasi MinDef bergerak dalam Kerangka Transformasi. Tempoh masa Agenda ini ialah dalam jangka masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020). LTM yang ditetapkan ini akan menjana beberapa inisiatif ke arah pencapaian Objektif Transformasi MinDef seperti yang digariskan. Inisiatif ini akan membawa sepuluh Penghasilan Utama yang diukur dengan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai menjelang tahun 2020.

Antara Inisiatif di bawah ETU yang akan dilaksanakan melalui Tiang Pertama : Gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ialah Kepelbagaian Kaum Di Semua Peringkat; Pengambilan Penuntut Berbilang Kaum Di Maktab Tentera DiRaja; Badan Kesenian MinDef; Program KAKEP; Sistem Rumah, Program PUSPANITA; Utamakan Pelanggan; Kebajikan Veteran dan Penyediaan Laporan Kemajuan Pencapaian. Sementara Inisiatif yang akan dilaksanakan melalui Tiang Kedua : Program Transformasi Kerajaan ialah Program Askar Wataniah; Melebarkan Peranan dan Memantapkan Diplomasi Pertahanan; Penilaian Kompetensi Kepimpinan; Perkongsian Pintar; Persekuturan Berprestasi Tinggi; Peningkatan Semangat Jati Diri; Patriotisme; Kesukarelaan dan Perpaduan di Kalangan Remaja. Antara Inisiatif yang akan dilaksanakan melalui Tiang Ketiga : Model Baru Ekonomi ialah Meningkatkan Modernisasi Keperluan dan Peralatan; Kerjasama Industri Pertahanan dan MinDef; Majlis Industri Pertahanan, Keselamatan dan Penguatkuasaan (MIDES); Pameran Pertahanan Antarabangsa dan Taman Teknologi Pertahanan. Inisiatif melalui Tiang Keempat : Rancangan Malaysia Kesepuluh ialah Pembentukan Secara Public Private Partnership (PPP); Perumahan ATM dan Peningkatan Tahap Keupayaan Kelengkapan dan Infrastruktur ATM.

Antara Inisiatif di bawah ETNAP yang akan dilaksanakan melalui Tiang Kelima : Nilai (Membudayakan) Kreativiti dan Inovasi ialah Program Penyelidikan dan Pengeluaran Produk; Sistem Atas Talian (online); Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK); Blue Ocean Strategy (BOS), Big Think Strategy (BTS) dan MIDAS. Inisiatif melalui Tiang Keenam : Nilai (Mementingkan) Kepantasan Bertindak dan Membuat Keputusan ialah Kepantasan Bertindak; Paperless; Pejabat Maya; Teknologi Maklumat dan Komunikasi; Piagam Pelanggan MinDef dan Pelan Pengurusan Risiko MinDef. Tiang Ketujuh : Nilai Untuk Wang ialah Nilai Projek; Indeks Daya Saing Negara; Stor Bestari; Ujian Kualiti; Bayaran Secara Atas Talian; AIMS dan Program Timbal Balas (Offset). Tiang Kelapan : Nilai Integriti ialah Pelan Integriti MinDef (PIM); Buku Etika MinDef; Penghargaan; Pemerkasaan Tadbir Urus; Pendidikan Moral dan Indeks Akauntabiliti serta Indeks Kepuasan Warga Kerja Awam MinDef.

Hasil yang ingin dicapai menjelang tahun 2020 ialah : 1MinDef; Kepuasan Pelanggan; Mengutamakan Pencapaian; Meningkatkan Kesilaan Tentera; Meningkatkan Semangat Jati Diri, Patriotik, Kesukarelaan dan Perpaduan; Merancakkan Pusingan Ekonomi dan Pembangunan Negara; Menghasilkan Mind Kelas Pertama Melalui Kreativiti dan Inovasi; Mempercepatkan Transformasi; Belanja Secara Berhemah dan Meningkatkan Persepsi Positif Rakyat Khususnya Pelanggan Terhadap MinDef. Hasil ini juga akhirnya akan menjadikan Perkhidmatan Awam MinDef Bertaraf Dunia agar dapat bersama menyokong mempercepatkan Malaysia menjadi sebuah Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020.

Memandangkan tempoh masa Wawasan 2020 hanya tinggal 10 tahun sahaja lagi, maka pendekatan berbentuk Quick Wins secara 'Lonjakan Berganda' perlu dibuat. Melalui pendekatan ini, beberapa Inisiatif yang boleh dicapai lebih awal dalam tahun ini akan diberi fokus untuk dilaksanakan terus supaya dapat menunjukkan hasil (outcome) segera. Antara Inisiatif Quick Wins yang sedang dilaksanakan ialah penubuhan sekurang-kurangnya 100 KIK MinDef sebelum berakhir tahun 2010. Kumpulan-kumpulan ini akan diberi latihan secukupnya dengan menggunakan pelbagai jenis management tools yang berkaitan dengan kreativiti dan inovasi. Penubuhan segera kumpulan-kumpulan ini cukup penting kerana mereka inilah juga yang akan menjadi Agen

Perubahan (Transformer) di Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah MinDef.

Transformasi MinDef yang berdasarkan LTM akan dilaksanakan melalui inisiatif yang ditetapkan. Inisiatif tersebut merupakan elemen penting dalam pencapaian Jadual Perbatuan (Milestones). Milestone ini merupakan peristiwa-peristiwa penting yang dapat menunjukkan MinDef berada di atas landasan yang betul dan terarah kepada hala tuju atau Peta Tuju (Road Map) yang telah ditetapkan.

Fasa Pelaksanaan Transformasi MinDef akan dibahagikan kepada empat fasa iaitu Fasa Pertama : Quick Wins, Transformasi Organisasi termasuk Transformasi Kepimpinan dan Individu (2010-2012); Fasa Kedua : Peningkatan (2013-2015); Fasa Ketiga : Pemerksaan (2016-2020); dan Fasa Keempat : Kecemerlangan (Melangkaui tahun 2020).

Faktor Kejayaan Utama Transformasi MinDef adalah berdasarkan kepada elemen-elemen dalaman dan luaran meliputi Pemantapan Struktur Organisasi MinDef; Penglibatan Menyeluruh Individu Warga Kerja Awam MinDef; Perubahan Minda Individu Warga Kerja Awam MinDef; Perubahan Tingkah Laku Individu Warga Kerja Awam MinDef; Gaya Kepimpinan Transformasional MinDef; Peningkatan Kolaborasi MinDef Dengan Pelbagai Pihak dan Penglibatan Rakyat. Usaha-usaha ini telah mula digerakkan baru-baru ini melalui pendekatan spiritual (ESQ) yang melibatkan YB Menteri Pertahanan sendiri dan semua pegawai Sektor Awam (Gred 54) dan Tentera (Brig. Jen.) dan ke atas.

Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) Transformasi MinDef merupakan pengukur bagi penentuan kejayaan kritikal Agenda Transformasi. Kejayaan Transformasi MinDef bergantung kepada sejauh mana pencapaian Petunjuk Prestasi Utama. Antara KPI yang ditetapkan ialah KPI 1 – Kepuasan Pelanggan; KPI 2 – Pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia dan KPI 3 – Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Kewangan.

Kajian Keberkesanan, Laporan Pencapaian dan penambahbaikan PnTM. Kajian keberkesanan setiap inisiatif yang dibuat dari masa ke masa khususnya sebelum berakhirknya sesuatu tempoh fasa pelaksanaan. Selepas itu satu Laporan Pencapaian akan diterbitkan berserta cadangan Penambahbaikan PnTM. Apa yang agak menarik berdasarkan kajian-kajian awal yang telah dibuat, pelanggan MinDef sudah mula menyedari dan

menerima langkah-langkah pembaharuan yang telah dan sedang diperkenalkan oleh MinDef. Trend yang sama juga berlaku di peringkat nasional. Berdasarkan hasil kajian awal yang telah dibuat oleh pihak media massa baru-baru ini untuk mengetahui pandangan orang ramai terhadap keadaan negara sekarang dari segi dan kemampuan Malaysia mencapai Wawasan 2020, menunjukkan bahawa di peringkat nasional, rakyat sudah mula menerima langkah-langkah pembaharuan yang telah dan sedang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Ternyata pelbagai inisiatif, pembaharuan dan penambahbaikan yang diperkenalkan oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri setahun yang lalu mula menampakkan hasil yang diharapkan. Rakyat juga semakin menerima Gagasan 1Malaysia. Pelan Transformasi Kerajaan (termasuk NKRA dan KPI) dan Model Baru Ekonomi merupakan antara inisiatif yang menjadi tonggak harapan rakyat. Secara kesimpulannya, hasil kajian awal ini menunjukkan rakyat begitu yakin bahawa Malaysia berada di landasan yang betul dan terbaik untuk mencapai Wawasan 2020.

Hala Tuju Masa Depan MinDef (The Way Forward) setelah negara melepassi tahun 2020 perlu difikir mulai sekarang. MinDef perlu menentukan hala tujunya dengan jelas dan selari dengan aspirasi nasional selepas itu. Impian kita pada ketika itu ialah Malaysia sudahpun menjadi sebuah Negara Agung (Great Nation). Pada ketika itu Perkhidmatan Awam Malaysia termasuk MinDef telah berupaya mewujudkan satu Bangsa dan Negara Malaysia yang dihormati, kuasa ekonomi yang disegani, masyarakat yang bertamadun tinggi, memacu perkembangan ilmu pengetahuan, melahirkan inovasi yang mendahului zaman dan keupayaan pertahanan negara yang strategik.

Dengan komitmen semua warga kerja awam MinDef dan sokongan semua pihak sama ada di dalam atau di luar MinDef, adalah diyakni, MinDef mampu melaksana dan menjayakan transformasi berteraskan LTM secara 'Lonjakan Berganda'. Kejayaan Transformasi MinDef bukan sahaja akan menjadikan Perkhidmatan Awam MinDef sendiri bertaraf dunia, malahan akan turut membantu mendokong inisiatif kepimpinan negara di bawah YAB Perdana Menteri untuk melaksanakan LTP secara lebih menyeluruh agar dapat menjadikan Perkhidmatan Awam negara ini bertaraf dunia dan akhirnya dapat menyokong mempercepatkan Malaysia menjadi sebuah Negara Maju serta berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Artikel : Paazan bt. Ab. Majid



Foto : Megat Ahmad Firdaus bin Megat Ahmad



Sebanyak 11 syarikat terdiri daripada 5 syarikat tempatan dan 6 syarikat antarabangsa menandatangani perjanjian persefahaman pembelian peralatan dan alat ganti pertahanan bernilai lebih RM10.4 bilion semasa Pameran Defence Services Asia (DSA) 2010 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 19 hingga 22 April lalu. Majlis menandatangani Kontrak DSA 2010 itu disaksikan oleh Menteri Pertahanan, Dato Seri' Dr Ahmad Zahid bin Hamidi. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abu Bakar Abdullah dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM.

Pameran

DEFENCE SERVICES ASIA (DSA) 2010





Majlis perasmian DSA 2010 telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur. Pameran selama empat hari itu melibatkan penyertaan 700 pemamer dari lebih 40 buah negara. Bersempena dengan DSA 2010 juga, Menteri Pertahanan telah melancarkan Direktori Industri Pertahanan Malaysia yang memuatkan maklumat mengenai Bahagian Industri Pertahanan, STRIDE, Bahagian Perolehan dan Tatacara Perolehan Kerajaan, selain penyenaraian profil 72 syarikat industri pertahanan tempatan. Turut dilancarkan

ialah Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS), sebuah pusat penyelidikan dan perkongsian pengetahuan para cendiakiawan yang pakar dalam bidang pertahanan dan keselamatan di peringkat nasional dan antarabangsa.

DSA 2010 turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak yang melakukan lawatan ke tapak pameran di PWTC, Kuala Lumpur.



Pelancaran

KOMPENI ASKAR WATANIAH

KEM SUNGAI DURIAN, KUALA KRAI

Rencana

Artikel : Huwaina Abd Wahab
Foto : PWII Mohd Syukri b. Malik

Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Dr Haji Abd Latiff bin Ahmad telah merasmikan pelancaran Kompeni Askar Wataniah kawasan Kelantan yang telah berlangsung pada 6 Jun 2010 (Ahad) bertempat di Kem Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan. Pelancaran ini adalah termasuk bagi kawasan Kota Bharu, Ketereh, Kubang Kerian dan Machang.

Timbalan Menteri Pertahanan telah tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu kira-kira jam 9.00 pagi dan tiba di Kuala Krai pada jam 10.30 pagi. Sejurus sahaja majlis pelancaran di開啟, pasukan-pasukan askar wataniah telah melakukan beberapa pertunjukan seni mempertahankan diri.

Beliau berkata, askar wataniah boleh menjadi penghubung antara tentera orang ramai dan berapaya menutup semangat sebuah generasi baru untuk memberikan khidmat kepada negara yang tercinta ini.

Turut hadir ialah, Panglima Tentera Darat, YBhg Jeneral Datuk Zulkifeli bin Mohd Zin, Panglima 2 Divisyen, Mej Jeneral Dato' Mohd Noor bin Daud serta pegawai-pegawai Kanan Tentera dan orang awam.

Pada sebelah petang pula, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyampaikan cek bantuan tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara (APPN) di Kota Bharu. Bantuan ini telah diberikan kepada keluarga Allahyarham Mej. Muhammad Zulrihan bin Jusof (TUDM) yang telah terkorban ketika pesawat yang dibawanya hilang kawalan dan terhempas di hutan simpanan Sintok UJM, Kedah pada 25 Mac 2010.



Artikel : Lt Kdr Rahimah Taib TLDM

Foto : Kpl Shahrulezam b. Azizan

Aktiviti



MAJLIS PERASMIAN DESA PASIFIK PENYERAHAN KUNCI DESA U-THANT

Timbalan Menteri Pertahanan, Y.B Datuk Dr. Haji Abd Latiff bin Ahmad telah menyempurnakan Majlis Perasmian Desa Pasifik dan Penyerahan Kunci Desa U-Thant di Dewan Serbaguna, Perumahan Angkatan Tentera, Desa Pasifik pada 25 Mei 2010.

Perumahan Kem Desa Pasifik dan Desa U-Thant merupakan sebahagian dari projek pembangunan kuarters pelbagai kelas untuk Angkatan Tentera Malaysia dan kakitangan awam yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan. Projek ini melibatkan usahama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) melalui Syarikat SPNB-LTAT Sdn. Bhd (USL).

Perumahan Desa Pasifik melibatkan pembinaan keluasan kawasan seluas 14 ekar melibatkan kos sebanyak RM160 juta. Kediaman ini terdiri dari 8 blok yang merangkumi 834 unit iaitu 620 unit untuk tentera berpangkat Sarjan ke Staf Sarjan dan anggota awam Gred 17. Sebanyak 214 unit pula dikhaskan kepada anggota berpangkat Pegawai Waren 1 dan 2 dan kakitangan awam gred 22 hingga 26. Projek kem ini telah siap pada 26 Julai 2008 dan mula didiami mulai Mac lalu. Antara kemudahan yang disediakan untuk penghuni di kawasan perumahan ini ialah pondok pengawal, surau, dewan serbaguna, rumah sampah dan taman permainan kanak-kanak.

Pada majlis tersebut juga, Timbalan Menteri Pertahanan turut menyampaikan

kunci kepada wakil-wakil bagi perumahan Desa U-Thant 1 yang dijangka akan diduduki mulai Jun 2010. Perumahan Desa U-Thant 1 pula melibatkan keluasan pembinaan 6.87 ekar melibatkan kos sebanyak RM125 juta. Kediaman ini merangkumi pembinaan 4 blok yang mempunyai 312 unit. Sebanyak 234 unit akan diperuntukkan kepada pegawai tentera berpangkat Mejar dan kakitangan awam Gred 41 hingga 44. Sebanyak 78 unit pula akan dikhaskan kepada pegawai tentera berpangkat Leutenant ke Kapten dan kakitangan awam Gred 27 hingga 40.

Desa U-Thant turut menyediakan kemudahan awam bagi penghuni iaitu pondok pengawal, bilik serbaguna, rumah sampah, surau, tadika, perpustakaan, taman permainan kanak-kanak, perhentian bas, gelanggang tenis, bola tampar dan sepak takraw.

Timbalan Menteri Pertahanan berharap dengan penyediaan kemudahan penginapan yang selesa ini akan mampu mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh pegawai dan anggota yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan yang terpaksa dengan kadar



Malam *Kebudayaan* KAKEP 2010

19 Mac 2010 telah diadakan Majlis Malam Kebudayaan KAKEP 2010 bertempat di Dewan Seroja, MinDef. Majlis yang dihadiri oleh Y.Bhg Dato' Sri Abu Bakar bin Hj Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Y.Bhg Dato' Haj Ismail bin Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), pegawai-pegawai kanan dan kakitangan awam MinDef dari pelbagai peringkat.

Majlis-Malam Kebudayaan KAKEP ini yang bertemakan 'Inovasi dan Kualiti Kementerian Pertahanan' adalah anjuran KAKEP dan merupakan salah satu aktiviti JKK Kebudayaan dan Sosial. Ianya diadakan bagi tujuan

memupuk semangat cintakan warisan seni budaya dan mencungkil bakat dikalangan kakitangan awam MinDef.

Malam Kebudayaan melibatkan ahli-ahli Kakep yang terbahagi kepada empat rumah iaitu rumpah oren, merah, hijau dan biru untuk menyertai dalam acara persembahan kebudayaan yang dipertandingkan. Antara acara yang dipertandingkan adalah Taqan Tradisional, Boria dan Dikir Barat mengikut tema yang diberikan. Juri-juri dari Badan Kesenian Tentera Darat diundang khas dan johan keseluruhan adalah rumah hijau.



Lawatan PAT KE MAWILLA II

Artikel dan Foto : Kapt Masrina Binti Jamaludin

SABAH: Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin (TUDM) mengadakan lawatan ulung ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Kota Kinabalu pada 6 – 8 Mac 2010.

Semasa lawatan, beliau turut mengikuti pelayaran dan menyelam bersama kapal selam pertama Malaysia iaitu KD Tunku Abdul Rahman di sekitar Laut China Selatan pada 7 Mac 2010. Tujuan utama pelayaran ini adalah untuk membuktikan tahap kesiagaan kapal selam tersebut. Beliau amat berbangga dan berpuas hati dengan tahap kesiagaan operasi yang dipamerkan oleh KD Tunku Abdul Rahman dan sama sekali menolak spekulasi bahawa kapal tersebut tidak boleh menyelam.

Selepas mengalami pengalaman menyelam bersama kapal selam pertama Negara, beliau kemudiannya mengambil kesempatan yang ada untuk mengadakan kunjungan hormat keatas Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah Abdullah. Banyak perkara yang diperbincangkan berkaitan pengawasan dan keselamatan Negeri Sabah.

Walaubagaimanapun, semasa perjumpaan bersama warga TLDM Kota Kinabalu beliau sempat menyatakan rasa gembira beliau kerana berpeluang melawat pangkalan hadapan pertahanan Negara yang serba moden ini.

Menurutnya lagi "Pemilihannya sebagai unit yang pertama saya lawati adalah kerana ianya pangkalan yang termoden dalam inventori Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Saya lebih teruja kerana disini jugalah kediaman rasmi bagi aset canggih yang menjadi kebanggaan Negara iaitu KD Tunku Abdul Rahman. Ini bermakna bahawa pangkalan ini dilengkapi dengan peralatan dan teknologi yang amat tinggi nilainya serta dikelaskan sebagai berdarjah kerahsiaan yang tinggi."

Beliau juga turut mengingatkan warga pangkalan tentang tanggungjawab yang berat anggota TLDM Kota Kinabalu untuk menentukan keselamatan dan kesiagaan pangkalan serta memastikan aset – aset berada di tahap yang tinggi pada sebilang masa kerana berupaya mencetus situasi yang tegang dalam beberapa isu berkaitan.

"Ingatlah bahawa sistem persenjataan dan teknologi yang canggih semata – mata tidak mampu menjamin tahap keselamatan yang optimum. Menyedari



hakikat ini, latihan yang berterusan hendaklah dilaksanakan agar tahap juang dan kesiagaan saudara dan saudari sekalian selaras dengan moto TLDM iaitu "sedia berkorban".

"selain itu, saudara dan saudari hendaklah memastikan pengurusan logistik aset – aset TLDM di sini sentiasa cekap, efisyen dan efektif bagi menyokong misi dan wawasan pangkalan khasnya dan TLDM amnya." Katanya lagi.

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin juga berpesan kepada anggota TLDM Kota Kinabalu supaya bersyukur dengan keadaan kawasan Perairan Malaysia Timur pada masa kini yang terkawal.

Katanya, " Kita perlu mengambil kira landskap geo-strategik dan potensi ancaman keselamatan yang tidak menentu dewasa ini."

"Ingin saya mengingatkan disini bahawa pihak – pihak yang tidak bertanggungjawab terus mengintai peluang untuk mengambil kesempatan atas kelalaian atau kelemahan kita."

Turut hadir semasa lawatan ini adalah Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Haji Jaafar, Panglima Markas Wilayah Laut II, Laksamana Pertama Dato' Anuwi Hassan, Panglima Markas Kapal Selam, Laksamana Pertama Mohamad Rosland Omar, serta pegawai – pegawai yang terlibat.

Majlis Pelancaran

HARI TRANSFORMASI

MinDef



TRIGGER TEST E

Kelebihan

Hanya serius jenis senjata api kecil boleh dipasang pada platform ini dengan hanya melaras fire clamp mengikut panjang dan saiz senjata tersebut



PISTOL

Hanya memerlukan seorang pengendali sahaja

Ujian dapat dilakukan pada sudut senjata yang berbeza mengikut keperluan





Artikel : Lt Kdr Che Hanifah

Foto : Megat Ahmad Firdaus bin Megat Ahmad



Lawatan BAKAT ATM ke Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan telah diadakan pada 8 April 2010. Lawatan ini telah disertai oleh 28 ahli BAKAT dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan. Lawatan turut disertai Y.Bhg. Datin Seri Hamidah binti Khamis, isteri Menteri Pertahanan Malaysia. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan serta maklumat kepada ahli BAKAT tentang penubuhan Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan.



Lawatan isteri Menteri Pertahanan dan BAKAT ATM

KE HOSPITAL ANGKATAN TENTERA TUANKU MIZAN

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Brigadier Jeneral Dato' (Dr) Yaakop bin Komeng. Setelah selesai taklimat, ceramah tentang Mamogram telah disampaikan oleh Lettenan Kolonel (Dr) Fazil bin Ibrahim. YBhg Datin Seri Hamidah juga turut diberi penghormatan bagi merasmikan Peralatan Ujian Mamogram.

Ahli BAKAT kemudiannya dibawa melawat ke jabatan dan wad yang terdapat di hospital tersebut.

Artikel : Lt Kdr Che Hanifah

Foto : Megat Ahmad Firdaus bin Megat Ahmad

Aktiviti



MAJLIS RAMAH MESRA
YBHG DATIN SERI HAMIDAH BINTI KHAMIS
BERSAMA
WARGA BAKAT PORT DICKSON

31 MAC 2010



Majlis Ramah Mesra

Majlis Ramah Mesra Isteri Menteri Pertahanan YBhg Datin Seri Hamidah binti Khamis bersama-sama Ahli - Ahli BAKAT kawasan Port Dickson telah diadakan di Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM) pada 31 Mac 2010. Turut hadir ialah Isteri Timbalan Menteri Pertahanan YBhg Datin Zuraidah bte Endot, Pegerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM YBhg Puan Sri Datin Sri Noorainee bte Abd Rahim, dan wakil Pengerusi BAKAT Perkhidmatan. Majlis yang bermakna ini turut diserikan dengan kehadiran Isteri Menteri Besar Negeri Sembilan YM Raja Datin Seri Salbiah bte Tengku Nujumudin, isteri Ketua Polis Negeri dan Isteri Adun Pertang. Majlis telah dihadiri oleh seramai 150 warga BAKAT yang mewakili ahli-ahli

BAKAT Pasukan disekitar Port Dickson. Y. Bhg. Datin Seri Hamidah turut menyampaikan sumbangan kepada 6 balu yang hadir. Majlis pada petang itu telah diserikan lagi dengan persembahan dan tarian tradisional oleh Ahli-Ahli BAKAT dan juga penampilan istimewa dari adik Mohd Nazri bin Asri anak seorang pesara tentera yang cacat penglihatan. Persembahan diiringi 3pcs band dari BKTD. Majlis diakhiri dengan sesi dialog dimana Datin Seri Hamidah telah menasihatkan ahli-ahli BAKAT agar sentiasa menitik beratkan soal-soal kekeluargaan dan sentiasa bersikap positif dalam menangani masalah yang timbul.

Hari Bersama Pelanggan

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Artikel : Major Setia Perwira bin Mohd Wazir

Foto : EKSTN (S) Roselly bin Alli

Empat program telah dianjurkan dengan jayanya pada Hari Bersama Pelanggan Kementerian Pertahanan (MinDef) pada suku tahun pertama 2010 di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 23 Jan 2010 yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan di Dewan Seroja MinDef Kuala Lumpur pada 4 Feb 2010 yang dirasmikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia. Seterusnya di Telok Kemang Port Dickson, Negeri Sembilan pada 23 Jan 2010 dan 24 Jan 2010 dirasmikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia dan pada 23 April 2010 di City Plaza, Alor Setar, Kedah.

Hari Bersama Pelanggan MinDef pada tahun ini adalah berdasarkan kepada Objektif Program Hari Bersama Pelanggan Kementerian Pertahanan seperti berikut:

- a. Menjadi medium untuk masyarakat menyalurkan cadangan dan aduan menerusi kaunter khidmat pelanggan.
- b. Memberi pendedahan dan menarik minat orang ramai khususnya belia untuk menyertai perkhidmatan ATM dan agensi-agensi yang lain di bawah Kementerian Pertahanan.





- c. Memberi pendedahan dan menarik minat orang ramai untuk merebut peluang pendidikan dan pembiagaan yang ditawarkan menerusi institusi dan agensi yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan.
- d. Menyediakan maklumat kepada pesara-pesara ATM berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada mereka.
- e. Menyalurkan maklumat semasa kepada masyarakat terutamanya tentang fungsi dan peranan agensi-agensi yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan.

Hari Bersama Pelanggan yang dilaksanakan menerusi pameran dan pertunjukkan statik juga menyediakan perkhidmatan perubatan dan perkhidmatan pemeriksaan gigi oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada pengunjung. Selain daripada itu Kaunter-kaunter Khidmat Pelanggan setiap agensi dibawah MinDef dibuka bagi memberi penerangan secara langsung kepada kumpulan sasaran peranan MinDef dalam mendokong ATM selaras Dasar Pertahanan Negara. Disamping itu kaunter aduan juga dibuka oleh Unit Komunikasi Korporat MinDef dalam usaha mendapat maklumat terus permasalahan yang dihadapi oleh pihak awam atau warga ATM di kawasan berkaitan terus kepada pegawai-pegawai yang terlibat.



Penubuhan Markas Angkatan Kapal Selam TLDM

(MAKS TLDM) merupakan satu perkembangan yang membanggakan bagi organisasi ATM khususnya TLDM. Markas diterajui oleh Panglima Angkatan Kapal Selam (PAKS) iaitu Laksamana Pertama Mohammad Rosland bin Omar. Organisasi Angkatan Kapal Selam terdiri daripada MAKS, Pusat Latihan Kapal Selam (PLKS) dan Skuadron Kapal Selam yang bertanggungjawab kepada PAKS.

Bermula dengan perjanjian menandatangani kontrak perolehan kapal selam dengan Konsortium ARMARIS berpangkalan di Perancis yang terdiri daripada 2 buah firma pembuat kapal selam iaitu DCNS dari Perancis dan NAVANTIA dari Sepanyol pada 5 Jun 02 untuk membekalkan 2 buah kapal selam jenis SCORPENE, TLDM kini setanding dengan tentera laut negara asing. Kepulangan KD TUNKU ABDUL RAHMAN ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) pada 17 Sep 09 telah disambut oleh Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah, Yang Di-Pertua Negeri Sabah.

Perolehan 2 buah kapal selam iaitu KD TUNKU ABDUL RAHMAN (KD TAR) dan KD TUN RAZAK (KD TRZ) membuka lembaran baru dalam pencapaian TLDM khasnya dan ATM amnya. Dengan pemilikan kedua-dua kapal selam ini, TLDM sudah menjadi antara organisasi yang mempunyai aset tercanggih dalam simpanannya. Kehadiran KDTAR sememangnya menjadi pelengkap kepada aset-aset TLDM sedia ada.

TLDM telah lama merancang untuk memiliki kapal selam seawal Rancangan Malaysia ke-5 lagi dan kini impian telah menjadi kenyataan. Namun begitu sebagai unit baru dalam TLDM, MAKS TLDM memerlukan bantuan dan sokongan dalam melangkah maju ke hadapan supaya seiring dengan unit - unit lain. Kini TLDM berkembang dalam 3 dimensi pertahanan merangkumi pelbagai jenis latihan dan operasi yang dapat dijalankan bersama kapal selam seperti latihan peperangan bawah permukaan, atas permukaan dan udara.

MARKAS ANGKATAN KAPAL SELAM TLDM



Seminggu selepas ketibaan KD TAR di PTKK, kapal menjalani rutin pembaikan Assisted Maintenance Period (AMP) yang kedua (AMP02) di hangar MAKS TLDM sebelum berlayar ke Pameran Langkawi International Maritime and Airshow 2009 (LIMA 09). Tambahan pula dengan penyertaan KD TAR di LIMA 09 pada 1 hingga 5 Dis 09 yang lalu telah mempermerkam kemampuan negara dalam memperoleh aset tercanggih bagi mengukuhkan lagi pertahanan negara terutamanya di perairan Sabah dan Sarawak.


Kehadiran kapal selam yang moden ini turut memberi dimensi penyelenggaraan yang lebih dinamik. Keperluan selenggara bagi setiap peralatan dan sistem terpasang memerlukan komitmen dan dedikasi semua pihak yang terlibat serta integrasi yang melibatkan kedua-dua unsur kejuruteraan dan material (Integrated Logistik Support - ILS). Kitaran selenggaraan kapal selam merupakan satu cabaran besar demi memastikan kapal selam dapat memenuhi keperluan operasinya. Kitaran selenggara yang dimaksudkan merangkumi rutin penyelenggaraan Assisted Maintenance Period (AMP), Docking for Essential Defects (DED) dan Refit. Pelaksanaan rutin selenggaraan ini telah dilaksanakan

oleh firma tempatan yang diterajui oleh pakar dari luar negara dalam pelbagai bidang kepakaran.

Di samping itu, perolehan 5 penyelaku untuk kemudahan latihan krew kapal selam menunjukkan komitmen kerajaan dalam membantu TLDM mewujudkan PLKS yang serba lengkap dan moden. Penyelaku yang dimaksudkan termasuklah penyelaku Submarine Diving Control and Platform, Submarine Combat System and Periscope, Damage Control and Fire Fighting Trainer, Sonar Acoustic Trainer dan Submarine Engineering Module. Proses pemasangan bagi penyelaku Submarine Diving Control and Platform telah bermula pada pertengahan bulan November yang lepas dan dijangka siap pada bulan Februari 2010.

Bagi MAKS TLDM cabaran baru saja bermula dan moto "We Exist Because of Submarine" memerlukan komitmen yang tinggi daripada setiap warga MAKS TLDM dalam membantu pengoperasian kapal selam ke tahap yang optimum. Pengambilan pelatih kapal selam yang baru perlu dikoordinasikan dengan baik untuk mengekalkan kesinambungan krew kapal selam berkepakaran tinggi seperti yang ada sekarang.





UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Penubuhan Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 1 Jun 1995 telah membawa kepada penubuhan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang telah diwartakan pada 10 November 2006. Ini adalah kesinambungan dari perluasan peranan ATMA sebagai satu institusi pengajian tinggi yang bertindak melahirkan graduan yang berkelayakan profesional dan berlatar belakangkan ketenteraan dimana 80% dari penuntut UPNM akan ditauliahkan sebagai Pegawai ATM. UPNM bertindak sebagai satu organisasi yang bertanggungjawab menjalankan program pengajian di peringkat Sarjana Muda dan latihan ketenteraan disamping menjalankan program pengajian di peringkat Sarjana, PhD dan pelbagai projek penyelidikan yang berfokus kepada bidang pertahanan. ATMA sebelum ini telah melahirkan seramai lebih kurang 1017 graduan hasil kerjasama antara Kementerian Pertahanan dan Universiti Teknologi Malaysia. Pengambilan kumpulan pertama pelajar UPNM pada sesi 2007/2008 adalah gabungan dari pengambilan siswa awam dan siswa tentera.

Selain menumpukan kepada bidang akademik kesemua Pegawai Kadet UPNM turut didedahkan kepada latihan ketenteraan yang diaplikasikan berteras kepada latihan untuk melatih dan melahirkan pegawai-pegawai muda yang berilmu, berakhhlak mulia, mengamalkan budaya ketenteraan, cekap dan menyumbang ke arah pembangunan ketenteraan dan Negara. Oleh itu, sepanjang tempoh pengajian di UPNM, mereka telah menjalani Latihan Ketenteraan seperti Latihan Fasa Induksi (LFI) selama 12 minggu dan Latihan ketenteraan

Umum (LKU) pada setiap hari Jumaat dan Sabtu. Latihan Ketenteraan Perkhidmatan Tunggal (LKPT) pula diadakan semasa cuti akhir semester kedua selama 8 minggu setiap tahun. Bagi membina keperibadian unggul dan akhlak mulia, semua Pegawai Kadet dikehendaki mengamal dan mempraktikkan kod kehormatan bersandarkan motto university iaitu 'Duty, Honour and Integrity' sepanjang pengajian di UPNM.

Naib Canselor UPNM, Lt. Jen. Dato' Pahlawan Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin telah memulakan langkah dengan menandatangani pelbagai memorandum persefahaman dengan Universiti dalam dan luar Negara bagi memperkasakan UPNM agar setanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain. Pelbagai pusat kecemerlangan turut ditubuhkan bagi merealisasikan lagi impian tersebut di samping meningkatkan lagi kecemerlangan akademik dan ketenteraan warga UPNM.



VISI

Menjadi institusi premier dalam bidang latihan ketenteraan, pendidikan dan penyelidikan pertahanan.

FALSAFAH

Sebagai sebuah institusi nasional yang ulung yang berperanan khas mengeluarkan pemimpin yang menyerlah dengan keupayaan intelek yang tinggi serta sifat yang terpuji dan komited untuk berbakti sepenuhnya kepada negara dalam menegakkan dan memperjuangkan kepentingan strategiknya.

MISI

Untuk mendidik dan merangsang pemimpin masa hadapan supaya gigih berusaha untuk mencapai tahap kesarjanaan yang tinggi serta kecekapan yang jitu dalam bidang ketenteraan.

OBJEKTIF

- Menyediakan asas pengetahuan yang kukuh dan seimbang dalam bidang Kemanusiaan, Pengurusan, Sains dan Teknologi, serta menerap daya usaha intelektual melalui pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan usaha kesarjanaan yang bertaraf antarabangsa.

- Menanam semangat kesetiaan dan patriotism yang tinggi untuk berbakti kepada Negara dengan berbekalkan ilmu, kemahiran serta kecekapan asas ketenteraan.
- Membangunkan warga yang mempunyai tanggungjawab sosial dengan berteraskan kepada unsur-unsur kerohanian, etika budaya dan moral yang terpuji.
- Membentuk pemimpin masa depan yang memahami, menghayati, dan mempunyai sikap toleransi terhadap kepelbagaiian etnik, budaya dan agama.
- Membekalkan pemimpin masa depan dengan kebolehan berkomunikasi,
- Menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang Teknologi Pertahanan, Ekonomi dan Diplomasi, Hal Ehwal Ketenteraan serta Pengajian Keselamatan.

MOTO

KEWAJIPAN, MARUAH DAN INTEGRITI

Duty, Honour and Integrity



MALAM WARTAWAN MALAYSIA 2010

Kementerian Pertahanan merupakan di antara 48 penyumbang untuk majlis Malam Wartawan Malaysia 2010 (MWM) anjuran Institut Akhbar Malaysia (MPI). Sumbangan MinDef berjumlah RM10,000 telah disampaikan oleh wakil Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertahanan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MPI merangkap Pengurus MWM, Ybhg. Dato' Chamil Wariya pada satu majlis di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 8 April lalu. Inisiatif MinDef sebagai salah satu organisasi penyumbang untuk malam tersebut adalah sebagai mengenang jasa pihak media yang telah banyak membantu dalam mempromosi aktiviti serta aspirasi Kementerian Pertahanan amnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya.

Malam Wartawan Malaysia 2010 yang diadakan pada 16 April 2010 turut dihadiri Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Timbalan Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku tetamu kehormat pada malam tersebut telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-PETRONAS 2009.

Dalam ucapannya, Timbalan Perdana Menteri berkata wartawan dan media adalah rakan kongsi kerajaan

dalam pembangunan negara dan laporan-laporan dalam akhbar, radio, televisyen dan kini portal berita Internet sedikit sebanyak mempunyai kesan ke atas pemikiran rakyat dan membentuk pendapat mereka. Kerajaan, menurutnya memerlukan media untuk membolehkan mesej-mesej, program-program politik dan sosioekonominya diterima dengan berkesan oleh orang ramai dan dilaksanakan dengan jaya demi pembangunan negara. Sehubungan itu, sungguhpun teguran dialu-alukan, walapun kritikan kadangkala amat menyakitkan, beliau berharap media di negara ini tidak sekali-kali mengabaikan peranannya dalam memelihara keharmonian dan ketenteraman yang terdapat dalam negara.


Seramai 196 peserta mewakili 21 organisasi media, akhbar, majalah, agensi berita dan televisyen telah mengemukakan penyertaan masing-masing bagi Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM) MPI - PETRONAS 2009, di mana sebanyak 814 artikel dinilai oleh 23 panel hakim yang diketuai oleh Profesor Dr. Mohd. Safar Hasim dari Universiti Kebangsaan Malaysia untuk 13 kategori yang dipertandingkan.

MENTERI PERTAHANAN

Aktiviti



Penganjuran Bulanan Kementerian Pertahanan



Majlis Pelancaran Pergerakan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLLN) Siri 7/2010



Majlis Menandatangani Perjanjian Rencana Kerjasama (MOU) Bank Simpanan Nasional Dan Jabatan Latihan Khidmat Negara



Majlis Penyampaian Diploma Makaib Pertubuhan Angkatan Tentera (MPAT)



Relancongan Kempen Berma Darah Sempena Hari Bersama Pekeliling Kementerian Pertahanan



Majlis Memahatang dan Pengiktirafan Penerimaan Defence Services Asia (DSA)




Majlis Pelancaran Pergerakan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLLN) Siri 7/2010



Izwan bin Kamaruz, Dividen Kementerian Pertahanan

MENTERI PERTAHANAN



Lawatan Ulung di Pangkalan Udara Kuantan



Kunjungan Hormat Daripada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura, H.E. Mr. Wong Kan Seng



Lawatan Pasukan Latihan Regawai Simpanan (PALAPES)
Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Ke Wisma Pertahanan



Lawatan Ulung di Pangkalan Udara Gong Kedah bertempat di Pangkalan Udara Gong Kedah, Jentik, Selangor



Majlis Penyampaian Diploma Muktamad
Pertahanan Anakatan Tentera (MPAT)



Emai Transformasi MinDef 2010



Mesyuarat Majlis Industri Pertahanan Selangor (MIPIM) Bil. 1/2010

MENTERI PERTAHANAN

Aktiviti

Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM)
Kepada Veteran Komando
Negri Selangor



Perasmian Bangunan Baru ZERO
Center Of Excellence



Berhimpunan Bulanan
Kementerian Pertahanan




Lawatan Ulung di Pangkalan
Udara Kuantan



Hari Transformasi
Majlis 2010

Lawatan Ulung di Pangkalan
Udara Gong Badak Berempat
di Pangkalan Udara Gong
Badak Berempat, Selangor



Pelancaran Kumpulan Drama Barah
Sempena Hari Bersama Pekanaya
Kementerian Pertahanan



Majlis Perasmian Drama Serbaguna sempena
Program Jua Murni Eksos MAUNDO
LATE-NIGHT DARSASA TARIB 2010



Perasmian Bangunan Baru ZERO
Center Of Excellence



INAUGURATION OF DSA 2010
23RD APRIL 2010
BILIK MASA, LEVEL 2, PWTC

Majlis Penutup DSA 2010

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN



Lawatan Kerja Ke Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV)



Kunjungan Hormat Daripada Timbalan Menteri Pertahanan Jepun

Lawatan Kerja Ke Projek Pembangunan



Lawatan Kerja Ke Projek Pembangunan

Majlis Menandatangani Perjanjian
Program Bajaer-Mengurus 2010 Dan
Relancaran Sjor Besar Kementerian Pertahanan

Mesyuarat Sasaran Kerja Tahunan
Pencapaian 2009 Dan Cadangan
2010 Kementerian Pertahanan

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA



Majlis Sambutan Kipulangan Komuniti Induk Basikal MALCON East 4 (ME 4)
Yang Telah Menyertai Misi United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL)

Piagam Pelanggan

Kami Berjanji,

1. MENGURUSKAN PERTAHANAN NEGARA DENGAN CEKAP DAN BERKESAN SUPATA KEPINTINGAN STRATEGIK, KEDAUALATAN DAN KEUTUHAN NEGARA SENTIASA TERJAMIN.

1.1 PENGURUSAN DASAR

- 1.1.1 Mengajar Masyarakat Lembaga Memerlukan sekali setahun.
- 1.1.2 Mengajar Masyarakat Dasar sekurang-kurangnya 4 kali setahun.
- 1.1.3 Mengadakan Masyarakat Dasar sekurang-kurangnya 10 menyuarat setahun.
- 1.1.4 Mengadakan Masyarakat Five Power Defence Arrangement (FPDA) sekurang-kurangnya 4 kali setahun.
- 1.1.5 Mengembangkan sekurang-kurangnya tiga (3) kerjas kerja dalam menyuarat ASEAN Regional Forum (ARF).
- 1.1.6 Menyajikan drat setia bantuan diplomatik dalam tempoh 2 hari kepada Kementerian Luar Negeri.
- 1.1.7 Memberi pandangan kepada Kementerian Luar Negeri dari segi dasar berhubung dengan kelayuan / penolakan diplomatik (diplomatic clearance) bagi pesawat-pesawat dan kapal-kapal tentera negara sing dalam tempoh 2 hari dari tarikh permohonan diterima.
- 1.1.8 Memberi usulan mengenai buku-strategik dalam tempoh 2 hari dan isiruk antarabangsa dalam tempoh 5 hari sesudah ia dibangkitkan.

1.2 PEMBANGUNAN INDUSTRI PERTAHANAN

- 1.2.1 Menyediakan laporan perifalan syarikat industri pertahanan dalam tempoh 2 minggu selepas lawatan.
- 1.2.2 Memusakadikan program perdagangan timbalbalas dan menggalasai benefitari dalam tempoh 6-bulan selepas tarikh surat niat dikeluarkan (LOI).
- 1.2.3 Mengordinasikan penyertaan syarikat industri pertahanan ke pameran pertahanan antarabangsa 1 tahun sebelum pameran berlangsung.

1.3 PENTELIDIKAN PERTAHANAN

- 1.3.1 Melaplak projek R&D jangka pendek tidak melebihi satu (1) tahun.
- 1.3.2 Melaplak projek R&D jangka panjang tidak melebihi lima (5) tahun.
- 1.3.3 Melaksanakan pengujian dan menyiapkan laporan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan.
- 1.3.4 Melaplak pemohonan atau spesifikasi perolehan atau permintaan pengguna dengan memberi respon tidak melebihi lima (5) hari.
- 1.3.5 Menulis spesifikasi perolehan yang lengkap.
- 1.3.6 Mengeluarkan sertifikat perolehan yang lengkap dan mengisarkan ejil pengesahan dalam tempoh tiga (3) hari.
- 1.3.7 Melaksanakan penilaianan kelayakan dan menyiapkan laporan dalam tempoh tidak melebihi dua (2) bulan.
- 1.3.8 Memberi khidmat nasihat teknikal mengikut keperluan spesifik tidak melebihi lima belas (15) hari.

1.4 KHDMAT PERUNDANGAN

- 1.4.1 Memberi pandangan perundangan dalam masa 3 minggu selepas menerima permohonan.
- 1.4.2 Menyemak dan memberi usulan ke atas draft kontrak perolehan dalam tempoh 3 minggu daripada draft diterima.

1.5 PENGAUDITAN

- 1.5.1 Merodakkan laporan pengaudit pengurusan kewangan berdasarkan indeks akuntabiliti dalam tempoh 14 hari selepas pengaudit dilakukan dan laporan pengaudit prestasi pengurusan dalam tempoh 30 hari selepas pengaudit.

1.6 PENGURUSAN ADUAN PELANGGAN

- 1.6.1 Mempersara penerimaan aduan kepada pengadu dalam tempoh 24 jam.
- 1.6.2 Menyelesaikan segala aduan dalam tempoh 10 hari waktu bekerja.

2. MELAYANI DENGAN PENUH ILMIZAM SEGALA KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN KEUPAYAAN DAN KESIAPSIAGAAN.

2.1 PENGURUSAN PEROLEHAN KELINGKAPAN DAN PERKHIDMATAN

2.1.1 Proses pengurusan dan pentadbiran perolehan barang dan perkhidmatan Kementerian Pertahanan daripada permohonan pengguna yang lengkap diterima sehingga Surat Setuju Terima (SST/LOA) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut :

No.	Klasifikasi Perolehan	Juridik Perolehan	Klasifikasi Perolehan	Tempoh Masa (max/min)
1.	Sekuruh Perolehan		Perolehan	71
2.	Tender	Tertakih dan Terhad	Perolehan	142
			Perolehan Tanpa Tertakih	240
	Akhirnusajaya		Perolehan	177
			Perolehan Tanpa Tertakih	287

- 2.1.2 Sesuaikan perkhidmatan, rangsang dan alat pada kendalian diperbarui 14 hari sebelum kontrak semasa tamat bagi membolehkan keperluan berterusan diterima.

2.2 PENGURUSAN PROJEK INFRASTRUKTUR

- 2.2.1 Mempersiapkan maklumat projek dalam tempoh 3 bulan.
- 2.2.2 Melaksanakan proses tender dalam tempoh 3 bulan.
- 2.2.3 Mengeluarkan surat setuju cerima kepada kontraktor dalam tempoh 5 hari bekerja selepas keputusan Lembaga Perolehan.

3. MELAYANI DENGAN PENUH ILMIZAM SEGALA KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSA, KIWANGAN DAN ICT.

3.1 PENGURUSAN KIWANGAN

- 3.1.1 Menyediakan maklumat baljet tahunan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh masing-masing arus penyediaan belanjawan daripada Perbadanan.
- 3.1.2 Waran diagihkan kepada Program dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan Waran Asas daripada Perbadanan.
- 3.1.3 Permohonan ketukutan kewangan diproses dan diputuskan dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.
- 3.1.4 Laporan Nasira Star dan Aset dihasilkan dalam tempoh sebulan dari tarikh tamat permohonan bagi setiap pusat.

3.2 PENGURUSAN BAYARAN

- 3.2.1 Sesuaikan bilangan bayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil lengkap diterima.

3.3 PENGURUSAN SUMBER MANUSA

- 3.3.1 Mengiktiraf dan memberi pertimbangan ke atas semua kertas cadangan penambahan dan permenaan eluan, kemudahan dan operasi-syarikat perkhidmatan ATM untuk dikemaskinikan ke IPTA dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh kertas cadangan diterima.
- 3.3.2 Mengiktiraf kompetensi modal insan dengan melaksanakan akturang-kurangnya 95% tarikh letihan dari Bulan Program Latihan Kementerian.
- 3.3.3 Serat tarikan latihan untuk urusan pengambilan kakitangan awam di bawah perwakilan kesusiaan P.U.I.(B) 496 di keluarkan dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh latihan ditugaskan.

3.4 PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ICT

- 3.4.1 Menerjemah dan memberi maklum bolas ke atas kertas cadangan projek ICT di Kementerian Pertahanan dalam untuk Jawatankuasa Teknologi tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan.
- 3.4.2 Menyelenggarakan rangkaian dan sistem aplikasi supaya mencapai tahap tidak kurang 99% tetapan dan capaian.
- 3.4.3 Menerjemah dan memberi usulan ke atas spesifikasi tender perolehan ICT dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh penerimaan.

PATRIOT



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA,

Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur.

Tel +603-2692 1333 / +603-2071 3890 Fax: +603-2691 1757